

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI OLEH INDIVIDU-INDIVIDU ATAU SYARIKAT

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI INI dibuat pada hari dan tahun yang tertera di Bahagian 1 di dalam Jadual ini di antara Pihak yang namanya, penerangan dan alamat seperti yang tertera di Bahagian 2 di dalam Jadual ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Penjamin” dimana ungkapan hendaklah, apabila konteks membenarkannya, termasuk harta pusaka, pewaris, wakil representasi yang dibenarkan dan pewaris-pewaris hakmilik mana-mana yang berkenaan) pada satu bahagian dan CIMB BANK BERHAD (No. Syarikat 13491-P), sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Undang-undang Malaysia dan mempunyai pejabat berdaftar di Tingkat 13, Menara CIMB, Jalan Sentral 2, Kuala Lumpur Sentral, 50470 Kuala Lumpur dan mempunyai tempat perniagaan di alamat yang tertera di Bahagian 3 di dalam Jadual ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Bank tersebut” dimana ungkapan termasuk pewaris-pewaris hakmilik) pada bahagian yang lain.

Perjanjian Kemudahan Pembiayaan

Pada permintaan Penjamin, Bank bersetuju menyediakan Kemudahan Pembiayaan dalam amaun penuh seperti yang telah ditetapkan di Bahagian 4 di dalam Jadual ini (secara kolektif dipanggil “Kemudahan Pembiayaan”) kepada Pihak yang telah ditetapkan di dalam Bahagian 5 di dalam Jadual tersebut (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Pelanggan”) berdasarkan terma-terma dan/atau syarat-syarat yang terdapat di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan dan/atau Surat Tawaran yang bertarikh pada hari dan tahun seperti yang tertulis di dalam Bahagian 6 di dalam Jadual ini (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Perjanjian Kemudahan Pembiayaan”).

Jaminan dan Tanggungrugi Ini

Sebagai cagaran kepada perlaksanaan yang wajar oleh Pelanggan terhadap terma-terma dan syarat-syarat Kemudahan Pembiayaan di bawah Perjanjian Kemudahan Pembiayaan, Penjamin sudah bersetuju bersesama dan berasingan untuk memberi Jaminan dan Tanggungrugi ini kepada Bank.

DENGANINI DIPERSETUJUI BAHAWA:-

1. DEFINISI DAN INTERPRETASI

Definisi

In this Guarantee and Indemnity, unless expressly provided for or the context otherwise requires, the following expressions shall have the meaning set forth opposite such expressions:-

Di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, melainkan dinyatakan secara jelas untuk atau di dalam konteks ini memerlukan sebaliknya, pernyataan berikut mempunyai maksud berlawanan dengan pernyataan tersebut:-

Pelanggan	:	Individu atau individu-individu di dalam Bahagian 5 di dalam Jadual.
Kemudahan Pembiayaan	:	Kemudahan Pembiayaan yang dinyatakan di dalam Bahagian 4 di dalam Jadual.
Perjanjian Kemudahan Pembiayaan	:	Perjanjian Kemudahan Pembiayaan yang dinyatakan di dalam Bahagian 6 di dalam Jadual.
Penjamin	:	Individu atau Individu-individu yang dinyatakan di dalam Bahagian 2 di dalam Jadual, dan rujukan kepada Penjamin akan termasuk rujukan terhadap sebarang Penjamin.
Keterhutangan	:	Kesemua wang yang terhutang dan/atau perlu dibayar oleh Pelanggan kepada Bank di bawah Perjanjian Kemudahan Pembiayaan atau amanun yang mana mungkin tertunggak, sama ada pasti atau kontinjen, sekarang atau selepas dipinjam seperti yang dibelanjakan oleh Pelanggan kepada Bank, termasuk semua keuntungan, komisen, kos, ta'widh dan caj yang diterangkan di bawah.

1.2 Interpretasi

Di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini (melainkan konteks memerlukan sebaliknya):-

- (a) kata-kata yang terpakai kepada individu termasuk firma, syarikat, perbadanan, negeri, pengurusan dan/atau entiti kerajaan dan sebaliknya;
- (b) rujukan kepada jantina maskulin termasuk feminin dan jantina neuter, dan sebaliknya.
- (c) Kata-kata yang menunjukkan bentuk tunggal merangkumi jumlah jamak dan sebaliknya
- (d) Semua rujukan kepada peruntukan di dalam akta termasuk peruntukan tersebut yang dipinda atau digubal semula;
- (e) rujukan kepada klausa melainkan dinyatakan sebaliknya ditafsirkan sebagai rujukan kepada klausa Jaminan dan Tanggung Rugi ini.
- (f) kepala tajuk sebarang klausa adalah dimasukkan untuk memudahkan rujukan sahaja dan tidak akan diambil, dibaca dan ditafsir sebagai bahagian penting di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

- (g) di mana sebarang perjanjian, waad, terma, syarat, dan/atau akujanji dinyatakan telah dibuat oleh atau bagi pihak oleh dua atau lebih individu atau pihak, semua perjanjian, waad, terma, syarat, dan/atau perakujanji, akan dianggap dibuat oleh dan terikat ke atas individu terbabit atau pihak bersesama dan berasingan.
- (h) di mana dua atau lebih individu atau pihak adalah termasuk atau terdiri di dalam sebarang perjanjian, wa'd, terma, dan/atau akujanji, perjanjian tersebut, wa'd, terma, dan/atau akujanji hendaklah dikuatkuasakan oleh mereka bersesama dan berasingan;
- (i) kata-kata dan pernyataan yang diterangkan di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan akan, melainkan diterangkan sebaliknya di sini atau bertentangan kepada kandungan di sini, memiliki maksud yang sama apabila digunakan atau dirujuk kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI

SEBAGAI BALASAN kepada Bank pada permintaan dan keinginan Penjamin, memberi atau meneruskan kemampuan kemudahan pembiayaan pembankuan atau kewangan selama Bank fikirkan sesuai kepada Pelanggan atas terma dan/atau syarat yang terkandung dalam Perjanjian Pembiayaan, Penjamin dengan ini BESETUJU UNTUK BERAKUJANJI dan MENJAMIN Bank, dengan tidakboleh batalan dan tanpa bersyarat sebagai obligasi yang berterusan seperti di berikut:-

1. PEMBAYARAN ATASTUNTUTAN

Penjamin-penjamin dengan ini tanpa bersyarat dan ketidakboleh batalan menjamin sebagai penghutang-penghutang prinsipal, bersesama dan berasingan, dan bukan sekadar penjamin untuk membayar dan menyelesaikan dengan Bank apabila dituntut:-

- (a) dalam penuh semua wang yang dihutang dan boleh dibayar oleh Pelanggan kepada Bank dibawah Perjanjian Pembiayaan atau mananya jumlah daripadanya yang masih tertunggak, samada pasti atau kontinjen kini atau selepas ini dihutang kepada Bank dari atau oleh Pelanggan termasuk semua untung, komisyen, ta'widh, kos dan caj-caj dijelaskan dibawah ini (selanjut dirujuk secara kolektif sebagai "Keterhutangan")
- (b) caj-caj yang dirujuk di atas akan termasuk komisen dan/atau sebarang caj bank yang lain di mana Bank di dalam pengurusan perniagaannya mengenakan caj kepada Pelanggan, dan semua kos, caj, perbelanjaan dan/atau kesemua yuran guaman atas atas tanggung rugi yang sepenuhnya di mana bank mungkin belanja di dalam menguatkuasakan atau mencari untuk memperolehi kesemua bayaran atau sebarang bahagian jumlah pinjaman kepada Bank oleh Pelanggan yang berkaitan dengan Kemudahan Pembiayaan dan untuk membaikpulih sebarang keingkaran oleh Pelanggan atau Pewaris-pewaris hakmilik Pelanggan dalam pembayaran bagi Kemudahan Pembiayaan atau sebarang bahagiannya, dan semua caj lain Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan dalam penguatkuasaannya terhadap Penjamin;

- (c) keuntungan, komisen dan ta'widh boleh dibayar yang dirujuk diatas hendaklah termasuk ta'widh pada kadar yang ditentukan dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan.
- (d) kesemua wang yang diperolehi daripada atau liabiliti yang ditanggung kepada Bank tanpa mengira kemudahan pembiayaan tersebut atau perbelanjaan liabiliti-liabiliti tersebut kemungkinan tidak sah atau melebihi kuasa Pelanggan atau mana-mana pengarah, pewakil, agen atau individu lain yang bertujuan untuk memperolehi kemudahan pembiayaan atau bertindak mewakili Pelanggan dan tanpa mengira sebarang luar aturan lain di dalam pinjaman tersebut atau perbelanjaan liabiliti tersebut.

Walau apa pun amanah yang telah ditentukan di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan, liabiliti Penjamin tidak terhad kepada jumlah prinsipal seperti yang ditentukan di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan tetapi hendaklah termasuk kesemua kemudahan pembiayaan tambahan dan/atau seterusnya yang diberikan kepada Pelanggan.

Hak Bank untuk mengecaj ta'widh seperti yang disediakan di sini hendaklah wujud dan terus wujud walau apa pun pengeluaran dan/atau penyampaian untuk sesuatu tuntutan untuk pembayaran sebarang wang yang bertujuan untuk dijadikan cagaran disini dan hendaklah terpakai sebelum dan selepas penghakiman dan walau apa pun hubungan pegawai bank dan pelanggan di antara Bank dan Pelanggan dan/atau Penjamin mengikut mana yang berkenaan, akan dihentikan untuk sebarang alasan atau sebab apa saja.

Bagi tujuan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sebarang tuntutan untuk pembayaran semula wang-wang yang terhutang di bawah ini hendaklah dianggap dibuat oleh Bank jika tuntutan itu dibuat berdasarkan Klausus 4.1, 4.2, 4.3 dan 5 di sini.

2. WA'D PENJAMIN

Penjamin dengan ini selanjutnya bersetuju, berakujanji dan waad dengan Bank yang berikut:-

(a) Liabiliti Prinsipal

Untuk memberikan kesan sepenuhnya kepada peruntukan-peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, Penjamin dengan ini mengenepikan semua hak yang tidak konsisten dengan peruntukan-peruntukan di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan yang mana Penjamin mungkin sebaliknya sebagai penjamin berhak untuk menuntut dan menguatkusa dan Penjamin mengisyiharkan bahawa Bank mempunyai kebebasan untuk bertindak seolah-olah Penjamin adalah penghutang prinsipal untuk kesemua jumlah yang dijamin oleh Penjamin seperti disebut;

(b) Pembukaan Akaun Baru

Bahawa selepas wang-wang di sini yang dijamin dituntut daripada Penjamin, ianya adalah sah dari segi undang-undang untuk Bank pada bila-bila masa untuk menyambung sebarang akaun yang telah wujud atau akaun-akaun atau untuk membuka sebarang akaun baru atau akaun dengan Peminjam dan tiada wang selepas itu yang dibayar ke dalam akaun atau akaun-akaun tersebut hendaklah disesuaikan untuk melepaskan sebarang

wang yang dijamin disini melainkan Bank mengikut budi bicara mutlak memutuskannya;

(c) Perubahan

Bahawa Bank boleh pada bila-bila masa di atas budi bicaranya tanpa melepaskan, merosakkan atau mempengaruhi Penjamin atau mana-mana liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, tanpa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dielakukan, dilepaskan atau memberi kesan dengan sebarang cara, dan tanpa mendapatkan sebarang persetujuan Penjamin dan tanpa memberi notis kepada Penjamin atau sebarang Penjamin, mengubah, menambah atau memperbetulkan mana-mana peruntukan di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan untuk pemberian kemudahan pembiayaan atau kemampuan kemudahan pembiayaan perbankan kepada Pelanggan oleh Bank, dan/atau kesemua obligasi akujanji Pelanggan di bawah;

(d) Toleransi

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan Penjamin atau sebarang liabiliti Penjamin dibawah ini tidak boleh dengan cara apa pun dilepaskan, dimansuhkan atau memberi kesan oleh mana-mana perlanjutan masa, toleransi dan/atau sebarang konsesi yang diberikan kepada Pelanggan dan/atau sebarang kegagalan untuk memasukkan sebarang hak atau remedи terhadap Pelanggan oleh Bank dan/atau sebarang modifikasi atau implikasi daripadanya, atau sebarang kegagalan Pelanggan untuk mematuhi sebarang keperluan bagi undang-undang, peraturan atau arahan yang berkuatkuasa di Malaysia;

(e) Hak-hak lain

- (i) Bahawa liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah wujud sama ada atau tidak Bank mempunyai hak perundangan untuk menuntut terhadap Pelanggan dan/atau sebarang penjamin dan/atau terhadap sebarang cagaran dimana Bank boleh pada masa ini atau pada bila-bila masa selepas ini atau dari semasa ke semasa telah dari atau terhadap Pelanggan atau sebarang individu lain untuk sebarang jumlah, kerugian dan/atau kerosakan, dan sama ada atau tidak telah mendapatkan faedah untuk dirinya terhadap remedи perundangan terhadap Pelanggan dan/atau sebarang jaminan dan/atau terhadap sebarang cagaran seperti yang dinyatakan di atas;
- (ii) Bahawa liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah wujud dan Jaminan dan Tanggung Rugi tidak akan dilepaskan, dimansuhkan atau dipengaruhi oleh sebarang kegagalan di pihak Bank untuk mengambil sebarang bentuk cagaran.

(f) Penolakan dan Sebagainya

Bahawa semua jumlah yang perlu dibayar oleh Penjamin atau sebarang

Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah dibayar dengan sepenuhnya tanpa syarat penolakan tuntutan balas atau kelayakan terhadap sebarang jenis sekalipun;

(g) **Bukti Penyelesaian**

Bahawa kesemua komposisi dan wang yang diterima oleh Bank dari Pelanggan, individu atau harta pusaka yang boleh digunakan oleh Bank untuk mengurangkan Keterhutangan oleh Pelanggan, hendaklah dianggap untuk semua tujuan sebagai bayaran secara umum dan Bank hendaklah mempunyai hak untuk membuktikan kebankrapan atau penggulungan dan/atau pembubaran Pelanggan jika Pelanggan menjadi bankrap, gulung tikar atau akan dibubarkan, berkaitan dengan seluruh Keterhutangan Pelanggan kepada Bank, tanpa sebarang hak pada bahagian Penjamin akan digantikan terhadap Bank yang berkaitan dengan sebarang bukti, dan keseluruhan amaun yang dijamin di dalam ini hendaklah dibayar oleh Penjamin sehingga Bank menerima kebankrapan/ penggulungan/ pembubaran Pelanggan daripada semua sumber seratus (100) sen di dalam Ringgit Malaysia terhadap jumlah tunggakan akhir terhadap Pelanggan;

(h) **Pelepasan Penjamin**

Bahawa Bank boleh, pada bila-bila masa bersetuju untuk tidak menyaman mana-mana Penjamin dan/atau melepaskan mana-mana Penjamin daripada liabilitinya di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini tanpa memberi kesan kepada liabiliti baki Penjamin yang lain di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini sama ada ada atau tidak baki Penjamin di atas mempunyai notis atau mengizinkan sebarang perjanjian tersebut, mengeluarkan dan/atau melepaskan dan sama ada atau tidak Bank hendaklah mempunyai remedи terhadap baki Penjamin tersebut;

(i) **Jaminan Lain**

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi di dalam ini dan hak-hak Bank di bawah ini adalah tambahan kepada dan bukannya untuk menggantikan mana-mana Jaminan dan Tanggung Rugi, kolateral, lien dan/atau cagaran lain atau kemudian ini dipegang oleh Bank, yang berkaitan dengan pembayaran wang dan liabiliti-liabiliti dari semasa ke semasa dan pada bila-bila terakru dan terhutang oleh Pelanggan kepada Bank dan perlaksanaan sempurna dan penelitian oleh Pelanggan terhadap terma-terma dan/atau syarat-syarat di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan, sama ada jaminan dan tanggung rugi tersebut, kolateral, lien dan/atau cagaran lain hendaklah diberikan kepada Bank oleh Penjamin atau sebaliknya dan tiada perubahan, pertukaran, perlepasan, pembaharuan, pengubahsuaian atau urusan lain dengan atau toleransi daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan sebarang jaminan dan tanggung rugi lain, kolateral, lien dan/atau cagaran lain yang dipegang oleh Bank hendaklah memberi kesan terhadap liabiliti-liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, samada atau tidak mana-mana Penjamin hendaklah mempunyai notis atau memberi persetujuan kepada pembaharuan, perubahan, pertukaran, pelepasan pengubahsuaian tersebut atau mana-mana urusan lain

dengan atau toleransi daripada menyempurnakan atau menguatkuasakan jaminan dan tanggung rugi, kolateral, lien, dan/atau cagaran lain;

(j) Cara Lain bagi Pembayaran

Bahawa Bank hendaklah mempunyai kebebasan tetapi tidak terikat untuk memilih cara-cara lain untuk pembayaran pada bila-bila masa dan dengan mana-mana arahan yang Bank anggap sesuai tanpa demikian memansuhkan liabiliti Penjamin, dan Bank boleh menguatkuasakan Jaminan dan Tanggung Rugi ini samada untuk baki bayaran sepenuhnya selepas memilih cara-cara yang lain untuk bayaran atau untuk baki yang tinggal pada bila-bila masa walaupun jika cara-cara lain bayaran belum lagi dipilih, dan dalam apa jua keadaan tanpa memberi hak kepada Penjamin atau mana-mana Penjamin untuk mendapat manfaat daripada cara-cara lain untuk bayaran tersebut dan selagi mana-mana wang yang masih terhutang oleh Pelanggan kepada Bank;

(k) Jaminan Berterusan

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak boleh dianggap sebagai boleh dibatalkan atau diselesaikan dengan sebarang bayaran sementara terhadap mana-mana bahagian wang yang dipinjam dan yang perlu dibayar oleh Pelanggan tetapi ianya hendaklah Jaminan dan Tanggung Rugi yang berterusan dan hendaklah dilanjutkan sehingga meliputi sebarang jumlah atau jumlah-jumlah wang yang mana dari semasa ke semasa meliputi Hutang terakru dari Pelanggan kepada Bank di bawah Perjanjian Kemudahan Pembiayaan sehingga masa tersebut apabila seluruh Hutang telah di bayar penuh;

(l) Kematian / Hilang Akal

Bahawa kematian, hilang akal, ketidak upayaan atau penentuan liabiliti terhadap mana-mana Penjamin hendaklah tidak prejudis atau memberi kesan kepada liabiliti Penjamin yang lain di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini tetapi hendaklah bagi semua perkara dan semua tujuan diikat dan beroperasi sehingga perlepasan oleh perlaksanaan daripadanya;

(m) Harta Pusaka Pewaris Wasi dan sebagainya.

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini adalah terikat sebagai cagaran yang berterusan terhadap Penjamin, Harta Pusaka mereka (masing-masing), pewaris, wasi, pentadbir, dan wakil undang-undangnya, pemegang serah hak yang dibenarkan dan/atau pewaris-pewaris hakmilik penjamin yang mana terpakai, dan Penjamin dan Harta Pusaka mereka (masing-masing), pewaris, wasi, pentadbir, dan wakil undang-undangnya, dibenarkan untuk menyerah hak dan/atau pewaris-pewaris hakmilik penjamin yang mana terpakai hendaklah terus terikat dengan Jaminan dan Tanggung Rugi dan hendaklah membayar kepada Bank atas permintaan kesemua liabiliti-liabiliti tertunggak dan obligasi yang terhutang dari Pelanggan kepada Bank di bawah Perjanjian Kemudahan Pembiayaan;

(n) Penghutang Prinsipal

Bahawa kesemua jumlah wang yang tidak diperolehi atau diperolehi daripada Penjamin untuk sebarang alasan sekalipun di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah bagaimanapun boleh memperolehinya daripada Penjamin sebagai penghutang prinsipal dan hendaklah dibayar balik oleh Penjamin apabila dituntut kepada Penjamin oleh Bank atau mewakili Bank;

(o) Kebankrapan Penjamin

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak boleh ditentukan atau diganggu disebabkan oleh kebankrapan, penggulungan dan/atau pembubaran Penjamin, tetapi hendaklah dengan segala perkara dan untuk semua tujuan terikat dan beroperasi sehingga perlepasan dengan cara perlaksanaan;

(p) Bukti Kukuh

Bahawa pernyataan bertulis daripada Bank terhadap jumlah yang terakru dan ter hutang oleh Pelanggan hendaklah diterima oleh Penjamin sebagai bukti kukuh yang mana jumlah yang tercatat adalah telah tamat tempoh daripada Pelanggan kepada Bank dan hendaklah dibayar atas permintaan kepada Bank oleh Penjamin;

(q) Pembubaran Pelanggan dan sebagainya

Bahawa di dalam keadaan di mana Pelanggan telah bankrap dan/atau membuat sebarang penyusunan dengan pemutangnya, Penjamin tersebut tidak boleh membuktikan persaingan dengan Bank di dalam sebarang penyusunan kebankrapan komposisi berkaitan wang yang telah tamat tempoh dari Pelanggan kepada Bank, tetapi akan memberi Bank manfaat sebarang bukti yang mana Penjamin berhak untuk membuat, melainkan dan sehingga Bank hendaklah menerima amaun penuh wang yang telah tertunggak kepada Bank daripada Pelanggan;

(r) Pengelakkan Pembayaran

Tiada jaminan, cagaran atau pembayaran yang boleh dielakkan di bawah sebarang enakmen statutori berkaitan dengan kebankrapan, dan tiada pengeluaran, penyelesaian atau pelepasan yang mana mungkin diberi atau telah diberi berdasarkan asas pengelakkan sebarang jaminan, cagaran atau pembayaran, hendaklah membawa prejudis atau memberi kesan kepada hak Bank untuk mendapatkan daripada Penjamin sehingga rangkuman penuh Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(s) Pelarasan

Bahawa jika Bank menerima baki akhir yang sepenuhnya sebarang tuntutan ke atas bahagian Penjamin-penjamin untuk sebarang lebihan atau mana-mana baki sekuriti di dalam tangan Bank yang seharusnya menjadi perkara penyelarasian di antara Bank, Penjamin atau mana-mana individu yang membuat tuntutan daripadanya;

(t) Sekuriti Balas

Bahawa Penjamin hendaklah tidak akan, melainkan mendapat keizinan terdahulu secara bertulis daripada Bank, mengambil secara langsung atau tidak langsung berkaitan dengan liabiliti yang telah diakujanjikan berdasarkan Jaminan dan Tanggung Rugi ini, sebarang cagaran balas samada melibatkan gadaian di atas harta atau sebagainya Pelanggan atau sebaliknya di mana Penjamin/penjamin-penjamim akan, atau mungkin, semasa ketaksovenan Pelanggan dan menimbulkan prejudis Bank, menambahkan bukti di dalam ketaksovenan tersebut atau memansuhkan harta yang boleh diagihkan diantara pemutang-pemutang Pelanggan, dan berkaitan dengan mana-mana cagaran balas yang diambil oleh Penjamin dengan keizinan Bank seperti yang dinyatakan di atas, ianya hendaklah menjadi cagaran kepada Bank untuk memenuhi obligasi Penjamin di dalam Jaminan dan Tanggung rugi ini;

(u) Lien dan Penolakan

Bahawa Bank hendaklah selagi mana-mana wang yang masih terhutang di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini, mempunya lien daripadanya ke atas kesemua wang atau selanjutnya kekal kepada kredit Penjamin dengan Bank samada akaun semasa atau lain-lain akaun dan samada di Malaysia atau sebarang tempat lain dan hendaklah berhak untuk menolak Keterhutangan tersebut terhadap mana-mana wang yang terhutang di dalam akaun-akaun tersebut, dan di dalam keadaan kesemua wang yang terhutang di dalam akaun-akaun tersebut di dalam mata wang selain daripada mata wang Malaysia, kadar pertukaran hendaklah mengikut kadar kelaziman pembelian oleh Bank untuk mata wang tersebut pada masa debit tersebut dan/atau tolakan;

(v) Keengganan untuk Memberi Kemudahan Pembiayaan Kredit

Bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah tidak dalam sebarang keadaan pun prejudis atau memberi kesan kepada budi bicara mutlak Bank untuk memberi perbankan selanjutnya dan/atau lain-lain kemudahan pembiayaan kepada Pelanggan samada dengan atau tanpa notis kepada Penjamin;

(w) Pengelakkan dan Pengurangan

Bahawa sebarang jumlah atau cagaran yang telah dibayar atau diberi kepada Bank oleh atau untuk Pelanggan dan/atau Penjamin, hendaklah tidak boleh membentuk sebagai penyelesaian yang sah atau pelepasan daripada liabiliti di bawah perjanjian ini oleh Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau mana-mana bahagian daripadanya, jika bayaran wang tersebut atau pemberian cagaran tersebut boleh dielakkan atau dikurangkan di bawah peruntukan sesuatu undang-undang berkaitan dengan kebankrapan, penggulungan dan/atau penyelesaian pada masa ianya berkuatkuasa, dan Bank hendaklah berhak untuk membuat tuntutan terhadap Penjamin di dalam hal pengelakkan dan/atau pengurangan, terhadap kesemua jumlah atau nilai jumlah wang diatas atau cagaran, dan/atau untuk mendapatkan kembali daripada Penjamin sehingga rangkuman penuh Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(x) Hutang Bawahan

Sebarang amaun pada masa ini atau selepas ini terakru dan terhutang oleh Pelanggan kepada Penjamin (kemudian daripada ini dirujuk sebagai “Hutang-hutang Pelanggan”) yang dengan ini diturunkan kepada Keterhutangan oleh Pelanggan kepada Bank dan Hutang Pelanggan kepada Penjamin, jika Bank mengkehendaki, hendaklah dikumpul, dikuatkuasakan dan diterima terhadap Penjamin sebagai amanah kepada Bank dan dibayar kepada Bank atas Keterhutangan Pelanggan kepada Bank, tetapi tanpa menurunkan atau meninggalkan kesan dengan dalam sebarang cara liabiliti Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini;

(y) Peninggalan

Tiada perbuatan atau peninggalan oleh Bank dalam berikutan kepada sebarang kuasa atau kebenaran yang terkandung di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini boleh memberi kesan atau melepaskan liabiliti Penjamin di dalam perjanjian ini;

(z) Penepian Keperluan untuk Ketekunan

Bank boleh mempercepatkan kematangan terhadap mana-mana obligasi Pelanggan di bawah Perjanjian Kemudahan Pembiayaan dan/atau di bawah mana-mana kredit atau penempatan yang diberikan kepada Pelanggan atau individu lain, atau pertukaran atau urusan dengan mana-mana cagaran kolateral, atau perubahan di dalam terma-terma dan/atau syarat-syarat ke atas mana-mana kredit atau penempatan. Penjamin dengan nyatanya mengenepikan kesemua keperluan untuk ketekunan, persembahan, permintaan, pembantahan dan notis apa sekalipun dan dengan nyatanya menyatakan bahawa Bank boleh membuat semua atau mana-mana di atas tanpa dengan cara apa pun mengehadkan, menyekatkan atau melepaskan liabiliti Penjamin di dalam perjanjian ini. Bank boleh menguatkuasakan dan mengambil tindakan ke atas kesemua remedii dan cara-cara untuk mendapatkan semula Keterhutangan tersebut pada masa dan berdasarkan arahan dan cara yang Bank rasakan sesuai;

(aa) Pelepasan/Kompromi Dengan Pelanggan

Bahawa liabiliti Penjamin di bawah ini tidak boleh dengan apa-apa cara dilepaskan, dimansuhkan atau diganggu dengan mana-mana pelepasan terhadap atau kompromi dengan Pelanggan samada atau tidak Penjamin mempunyai apa-apa notis terhadap pelepasan tersebut, kompromi atau perjanjian dan samada atau tidak Bank telah meletakkan hak-haknya terhadap Pelanggan.

(bb) Pertukaran Penjamin

Liabiliti-liabiliti dan obligasi-obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak boleh ditentukan atau dengan mana-mana cara yang prejudis tetapi hendaklah berterusan untuk menjadi sah dan terikat untuk kesemua tujuan sekalipun, walau apa pun terdapat mana-mana perubahan dengan penggabungan, rekonstruksi atau sebaliknya yang boleh dibuat di dalam Perlembagaan Penjamin atau melalui kebankrapan, penggulungan, atau pembubaran Penjamin, secara sukarela atau sebaliknya dan Penjamin dengan nyatanya bersetuju dimana tiada perubahan melalui apa-apa cara sekalipun

yang meninggalkan kesan terhadap Penjamin dengan bagaimana carapun memberi kesan kepada cagaran, liabiliti-liabiliti dan/atau obligasi-obligasi yang diwujudkan di dalam ini berkaitan dengan mana-mana transaksi sekalipun samada pada masa lepas, pada masa ini, dan pada masa hadapan.

3. TANGGUNGRUGI

Penjamin dengan ini seterusnya bersetuju, membuat akujanji, mengesahkan dan wa'd dengan Bank bahawa, tanpa menurunkan mana-mana obligasi Penjamin kepada Bank seperti yang diberikan di dalam Jaminan dan Tanggungan ini, Penjamin dengan ini seterusnya menjamin dan memberi akujanji kepada Bank untuk menanggung rugi Bank dan sentiasa menanggung rugi Bank terhadap semua kerugian, tindakan, prosiding, tuntutan, permintaan, kos, ganti rugi dan/atau perbelanjaan (termasuk kos guaman dengan cara menanggung rugi sepenuhnya) yang Bank mungkin akan belanja, tanggung atau hadapi disebabkan mana-mana kemungkiran oleh Pelanggan terhadap terma-terma tersebut, syarat-syarat, wa'd dan/atau pernyataan yang terkandung di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan.

4. NOTIS TUNTUTAN

Sebarang Tuntutan untuk pembayaran atau sebarang tuntutan lain atau notis di bawah Jaminan dan Tanggungan Rugi ini, hendaklah dikira telah diserahkan secukupnya kepada Penjamin oleh Bank dan/atau sebarang individu yang bertindak sebagai peguamcara untuk Bank, jika tuntutan untuk bayaran atau sebarang tuntutan lain atau notis di bawah Jaminan dan Tanggungan Rugi ini, ditinggalkan pada alamat kebiasaan atau alamat akhir Penjamin berdasarkan rekod yang disimpan oleh Bank, atau pada alamat yang dinyatakan di dalam Bahagian 2 Jadual, atau dihantar oleh pos biasa kepada mana-mana alamat. Bukti penghantaran atau penghantaran kepada Penjamin sebarang tuntutan bayaran atau sebarang tuntutan lain atau notis di bawah Jaminan dan Tanggungan Rugi akan dikira sebagai bukti penerimaan oleh Penjamin:-

- (a) Jika ianya dihantar secara peribadi, adalah pada masa penghantaran;
- (b) jika ianya adalah surat, pada hari kedua penghantaran;
- (c) jika ianya adalah teleks atau talian, adalah pada hari berikutnya penghantaran;
- (d) Jika ianya adalah faksimili, secepat mungkin selepas transmisi, dengan syarat penghantar telah menerima jawapan balik pengesahan.

Tiada pertukaran alamat untuk servis Penjamin boleh berkesan secara efektif atau mengikat Bank kecuali notis sebenar secara bertulis tentang perubahan tersebut diterima oleh Bank.

Secara alternatifnya, Pelanggan hendaklah menerima tuntutan untuk bayaran atau sebarang tuntutan lain atau notis di bawah Jaminan dan Tanggungan Rugi dari Bank, mewakili Penjamin, dan Klausula 4.1 di

atas hendaklah

terpakai untuk Pelanggan dalam cara yang sama, kecuali perkataan “Pelanggan” harus ditukarkan kepada perkataan “Penjamin”, dan alamat untuk servis Pelanggan adalah seperti yang tercatat di dalam Perjanjian Kemudahan Pembiayaan.

Penjamin bersetuju selepas sebarang tuntutan untuk pembayaran dibuat berikutan kepada Klausa 4.1 atau 4.2, Penjamin hendaklah membuat pembayaran berjumlah seperti yang diminta dalam tempoh tujuh (7) hari tarikh notis tuntutan, dan seterusnya bersetuju di dalam keadaan di mana Penjamin gagal membuat pembayaran dalam tempoh masa tersebut, Bank berhak untuk menggunakan semua hak perundangan dan remedii dan boleh mengambil semua tindakan yang dirasakan sesuai untuk memperolehi semula jumlah yang tertunggak kepada Bank.

5. EJEN UNTUK SERVIS

Penjamin dengan ini secara tidak terbatal melantik Pelanggan sebagai ejen Penjamin untuk penyampaian bagi sebarang tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses perundangan lain, dan memberi kuasa kepada Pelanggan untuk menerima penyampaian tuntutan tersebut, notis, writ, saman, penghakiman dan proses perundangan lain untuk mewakili Penjamin. Penjamin hendaklah dikira memiliki notis tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses perundangan lain apabila ianya telah diakui sama diterima oleh Pelanggan. Kegagalan Pelanggan untuk memberi notis kepada mana-mana Penjamin sebarang tuntutan, notis, writ, saman, penghakiman atau proses perundangan lain, tidak akan memberi kesan atau merosakkan pengesahan sebarang prosiding dan/atau penghakiman atau perintah berdasarkan tersebut, namun asalkan bahawa tiada sesuatu yang terdapat di dalam klausa ini akan dikira untuk mengehadkan hak Bank untuk memberi kesan penyampaian tuntutan tersebut, notis, writ, saman, penghakiman atau proses perundangan dalam sebarang cara yang dibenarkan undang-undang.

6. REPRESENTASI DAN WARANTI

Penjamin dengan ini menjelaskan waranti dan beraku janji kepada Bank bahawa:-

- (a) Penjamin mempunyai kuasa yang penuh, autoriti dan hak undang-undang untuk memasuki Jaminan dan Tanggungan ini, untuk memasuki transaksi-transaksi yang dimaksudkan di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, untuk menjamin Keterhutangan, untuk menagung kesemua liabiliti-liabiliti dan obligasi-obligasi lain dimana peruntukan ini dibuat di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan untuk melaksanakan terma-terma dan/atau syarat-syarat di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini.
- (b) Obligasi-obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini menjadikan ianya obligasi-obligasi yang merupakan undang-undang, sah dan terikat kepada Penjamin dan berkuatkuasa terhadap Penjamin mengikut terma-termanya dan/atau syarat-syaratnya.
- (c) Obligasi-obligasi Penjamin di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini adalah secara langsung, tanpa syarat, tidak boleh dibatalkan dan adalah obligasi-obligasi umum Penjamin dan akan bertaraf sama rata dengan

kesemua

liabiliti-liabiliti lain terus atau kontinjen liabiliti-liabiliti Penjamin yang tidak bercagar.

- (d) Tiada perlaksanaan dan penyampaian Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau penyempurnaan atau penelitian oleh Penjamin terhadap mana-mana obligasi atau perlaksanaan hak-hak Penjamin di bawah ini akan:-
- (i) bertentangan, berkonflik dengan atau menyebabkan apa-apa kemungkiran terhadap terma-terma, syarat-syarat, wa'd-wa'd, akujanji-akujanji atau peruntukan-peruntukan lain, atau menyebabkan kejadian keingkaran, kejadian keingkaran, atau keadaan dimana dengan memberi notis dan/atau kehabisan masa dan/atau pemenuhan mana-mana syarat akan menjadikannya kemungkiran atau bertentangan dengan atau menjadi konflik dengan mana-mana undang-undang atau peraturan, perintah, cawangan, konsesi, lesen, kebenaran atau pihak-pihak berkuasa atau sebarang perjanjian, akujanji, indentur,gadaian, suratikan atau instrumen lain, atau mana-mana perkiraan, obligasi atau tanggungjawab yang tepakai kepada atau terikat apabila atau memberi kesan kepada Penjamin atau mana-mana aset atau hasilnya;
 - (ii) menyebabkan apa-apa had ke atas Pelanggan atau kuasa-kuasa lain Penjamin (samada ditetapkan oleh undang-undang atau peraturan, arahan, perjanjian, instrumen atau sebaliknya) atau apa-apa had yang memberi kesan kepada Penjamin, untuk melebihinya;atau
 - (iii) memberi kesan yang, atau mewajibkan Penjamin untuk mewujudkan, apa-apa gadaian ke atas seluruh atau mana-mana bahagian daripada aset atau hasil Penjamin, pada masa ini atau hadapan;
- (e) Penjamin tidak memungkiri atau membuat sesuatu bertentangan dengan atau berada di dalam kesalahan di bawah mana-mana undang-undang atau peraturan, perintah, cawangan, konsesi, lesen, kebenaran, pihak-pihak berkuasa, perjanjian, akujanji, instrumen, perkiraan, obligasi atau tanggungjawab yang dikenakan ke atas, atau terikat apabila atau memberi kesan kepada mereka atau mana-mana asetnya atau hasilnya, akibat kemungkiran, bertentangan atau ingkar, boleh secara material dan memberi kesan bertentangan kepada aset-aset Penjamin, liabiliti-liabiliti atau syarat (kewangan atau sebaliknya) atau keupayaan mereka untuk menjalankan obligasi di dalam ini; tiada kejadian keingkaran atau kejadian keingkaran masa hadapan telah terjadi dimana, dengan memberi notis dan/atau kehabisan masa dan/atau pemenuhan syarat-syarat yang lain, akan menjadikan ianya kemungkiran di bawah mana-mana perjanjian tersebut, akujanji atau instrumen; dan tiada peristiwa atau kelalaian telah terjadi yang memberi hak, atau dimana dengan memberi notis dan/atau kehabisan masa dan/atau pemenuhan mana-mana syarat lain yang mana ianya memberi hak, kepada mana-mana pemutang bagi Penjamin untuk mengisyiharkan mana-mana hutang Penjamin kepada pemutang yang terakru dan perlu dibayar sebelum ia mencécah tahap matangnya, dan/atau untuk membatalkan atau menamatkan mana-mana kemudahan pembiayaan kredit, atau untuk menolak untuk membuat pendahuluan di bawahnya;

- (f) Tiada Penjamin adalah bankrap, dan/atau telah melakukan tindakan kebankrapan, tidak mampu membayar hutangnya, dan/atau telah memasuki mana-mana perkiraan atau komposisi dengan pembiutang-pembiutangnya;
- (g) Tiada litigasi, timbang tara, prosiding pentadbiran di hadapan atau di mana-mana mahkamah, tribunal atau otoriti yang menggubal peraturan yang pada masa ini tertangguh atau, mengikut pengetahuan Penjamin, adalah mengancam terhadap Penjamin atau mana-mana aset atau hasil yang mana dapat secara material dan memberi kesan bertentangan kepada aset-aset, liabiliti-liabiliti atau syarat Penjamin (kewangan atau sebaliknya) atau keupayaan mereka untuk melaksanakan obligasi-obligasi di bawahnya.
- (h) Tiada perubahan penting yang bertentangan di dalam perniagaan-perniagaan atau aset-aset Penjamin semenjak perlaksanaan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan tersebut;
- (i) Penjamin telah mendedahkan dengan sepenuhnya secara bertulis kepada Bank kesemua fakta berkenaan dengan Pelanggan dan Penjamin dan dimana Penjamin tahu atau sepatutnya telah tahu dan dimana ianya penting untuk didedahkan kepada Bank di dalam konteks perbankan dan kemudahan pembiayaan kredit dan Jaminan dan Tanggung Rugi ini;
- (j) Representasi dan waranti di atas hendaklah, melainkan Penjamin memberi notis yang sebaliknya kepada Bank secara bertulis, adalah dianggap sebagai benar dan telah dipatuhi dari segi semua perkara yang material dan selagi Jaminan dan Tanggung Rugi ini berkuatkuasa;
- (k) Setiap representasi dan waranti yang tertulis di sini hendaklah dianggap sebagai pengulangan pada masa setiap perbelanjaan bagi Kemudahan Pembiayaan seakan-akan ianya dibuat pada dan masa yang sama.

7. PELEPASAN HANYA DENGAN PERLAKSANAAN

Obligasi Penjamin hendaklah tidak boleh dilepaskan melainkan dengan perlaksanaan dan kemudiannya sehingga tahap perlaksanaan tersebut. Obligasi-obligasi tersebut hendaklah tidak boleh tertakluk kepada Bank memberi mana-mana notis sebelumnya atau tuntutan kepada Penjamin berkaitan dengan mana-mana kemungkiran oleh Pelanggan, dan hendaklah tidak boleh dirosakkan dengan mana-mana pelanjutan masa, toleransi atau pengakuan yang diberi kepada Pelanggan oleh Bank, atau tuntutan Bank bagi atau kegagalan untuk menuntut mana-mana hak atau remedii terhadap Pelanggan, atau kegagalan oleh Pelanggan untuk mematuhi mana-mana kehendak undang-undang peraturan atau perintah di Malaysia atau mana bahagian-bahagian kecil politik atau agensi daripadanya.

8. PENEPIAN, HAK-HAK TERHIMPUN

Tiada kegagalan atau kelewatan daripada pihak Bank di dalam menjalankan atau sebarang peninggalan untuk melaksanakan sebarang hak, kuasa, hak istimewa atau remedii yang bertambah kepada Bank selepas sebarang kemungkiran daripada pihak Penjamin akan merosakkan mana-mana hak, kuasa, hak istimewa atau remedii atau ditafsir sebagai penepian di dalam ini atau persetujuan terhadap mana-mana kemungkiran tersebut, dan juga tiada tindakan daripada Bank yang berkaitan

kemungkiran atau mana-mana persetujuan terhadap mana-mana kemungkiran, akan

mengganggu atau merosakkan mana-mana hak, kuasa, hak istimewa atau remedi Bank berkaitan dengan kemungkiran lain dan seterusnya. Hak-hak dan remedи-remedи yang diberikan di dalam perjanjian ini adalah kumulatif dan tidak eksklusif ke atas mana-mana hak dan remedи yang disediakan oleh undang-undang. Jika mana-mana perkara jatuh ke dalam skop lebih daripada satu peruntukan-peruntukan di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, tiada apa yang boleh menghalang Bank daripada menguatkuasakan terhadap Penjamin syarat yang lebih (atau paling) ketat.

9. PEMBAYARANTANPA PEMOTONGAN UNTUK CUKAI

Semua pembayaran yang dibuat oleh Penjamin-penjamin kepada Bank di bawah ini adalah bebas dan dijelaskan, dan tanpa pemotongan untuk sebarang cukai, levi, penetapan, duti, caj, yuran, pemotongan atau penahanan sebarang keadaan sekarang atau selepas ini yang dikenakan oleh sebarang badan-badan kerajaan yang kompeten atau otoriti lain, melainkan Penjamin/Penjamin-Penjamin adalah terikat oleh undang-undang untuk memotong sebarang cukai, levi, penetapan, duti, caj atau yuran atau untuk membuat sebarang pemotongan atau penahanan. Di dalam keadaan selepas itu di mana Penjamin membuat pemotongan minima atau penahanan yang dibenarkan, dan akan mengambil kira dengan segera kepada otoriti yang relevan untuk amaun yang dipotong atau ditahan (termasuk amaun sebarang pemotongan atau penahanan daripada sebarang amaun tambahan yang dibayar berikutnya kepada Klausa ini), akan mengeluarkan bukti yang munasabah kepada Bank berkenaan pengiraan tersebut dan akan membayar amaun tambahan tersebut yang mana sesuai supaya amaun bersih yang diterima oleh Bank selepas pemotongan atau penahanan adalah sama dengan amaun yang akan diterima oleh Bank di mana seperti tiada pemotongan atau penahanan diminta untuk dibuat.

10. KETAKUPAYAANPENJAMINATAUPELANGGAN

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah terikat dan boleh dikuatkuasakan terhadap setiap Penjamin yang telah menandatangani di bawah ini tanpa mengira:-

- (a) bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini tidak ditandatangani atau diberi oleh satu atau lebih Penjamin yang dinamakan di dalam Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan/atau sebarang Penjamin yang dimaksudkan;
- (b) ketakupayaan atau kebankrapan salah satu atau lebih Penjamin atau Penjamin yang dimaksudkan, dan/atau Pelanggan;
- (c) bahawa yang terhutang, dan/atau Keterhutangan yang ditanggung, boleh menjadi tidak sah atau lebih kuasa Pelanggan atau sebarang pengarah, wakil kuasa, wakil atau sebarang individu yang bermaksud untuk meminjam atau bertindak mewakili pelanggan, dan/atau menanggung Keterhutangan tersebut; dan/atau
- (d) sebarang kerosakan, tidak formal dan/atau pengurangan sebarang kuasa atau otoriti, dalam melaksanakan Jaminan dan Tanggung Rugi ini dan/atau Perjanjian Kemudahan Pembiayaan.

11. KETIDAKSAHAN JAMINAN DAN TANGGUNG RUGI

Jika, pada pandangan Bank (di mana pandangan hendaklah terakhir dan muktamad), bahawa Jaminan dan Tanggung Rugi ini atau sebarang bahagian daripadanya, menjadi tidak sah, bertentangan dengan undang-undang, rosak dan/atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam sebarang cara, Penjamin akan menyempurnakan jaminan dan tanggung rugi seterusnya, hendaklah di dalam bentuk dan kandungan yang diterima kepada Bank, dan kos-kos jaminan dan tanggung rugi seterusnya itu termasuk tetapi tidak terbatas kepada yuran guaman yang berkaitan, akan ditanggung oleh Penjamin.

12. HAK BANK UNTUK SERAH HAK

Bank hendaklah mempunyai kebebasan dengan atau tanpa keizinan Penjamin untuk menyerahhak dan/atau memindahkan sebarang dan/atau semua hak Bank, manfaat dan/atau faedah di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini kepada sebarang pihak yang Bank rasakan sesuai, dan semua kos dan perbelanjaan sampingan yang berkaitan akan dibayar oleh Penjamin.

13. KOS-KOS DAN PERBELANJAAN

Kesemua kos dan perbelanjaan dan sampingan kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan koleksi sebarang wang terakru atau menjadi terakru di bawah, termasuk kos perundungan Bank atas atas tanggungan rugi penuh, akan ditanggung oleh Penjamin.

14. NASIHAT PERUNDANGAN BEBAS

Penjamin menyatakan dan mengesahkan bahawa mereka dengan ini dinasihatkan untuk mendapatkan nasihat perundangan yang bebas di atas kesan dan/atau akibat Penjamin menandatangai Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan Penjamin bersetuju bahawa peruntukan yang terdapat di sini akan terikat ke atas Penjamin tanpa mengira sama ada Penjamin telah memilih sebarang nasihat perundangan.

15. PENEPIAN SEMUA HAK SEBAGAI PENJAMIN

Di dalam usaha untuk memberi kesan kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini, Penjamin dengan ini mengenepikan semua hak dan keistimewaan di mana Penjamin-Penjamin boleh sebaliknya sebagai penjamin berhak untuk menuntut, dan mengenepikan semua hak yang tidak konsisten dengan peruntukan Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

16. BERTENTANGAN DENGAN UNDANG-UNDANG

Jika pada sebarang masa, sebarang peruntukan di sini atau bertentangan dengan undang-undang, ketaksahan atau tidak boleh dikuatkuasakan dalam sebarang perkara, baki peruntukan di sini tidak akan dalam sebarang cara prejudis, atau memberi kesan atau merosakkan dan hendaklah kekal boleh dikuatkuasakan.

17. MASA

Masa di mana disebut hendaklah menjadi teras kepada Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

18. KEMASUKAN TERMA-TERMA PERJANJIAN KEMUDAHAN PEMBIAYAAN/SURAT TAWARAN/PERJANJIAN PRINSIPAL

Semua terma-terma dan/atau syarat-syarat Perjanjian Kemudahan Pembiayaan hendaklah dianggap dimasukkan ke dalam dan menjadi sebahagian daripada Jaminan dan Tanggung Rugi ini, tertakluk kepada pembetulan atau perubahan di mana sesuai untuk membuat peruntukan dokumen ini konsisten dengan peruntukan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan tersebut, dan di dalam keadaan di mana terdapat konflik atau ketidakseragaman antara peruntukan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan dan sebarang peruntukan dokumen ini, peruntukan Perjanjian Kemudahan Pembiayaan akan mengatas.

19. UNDANG-UNDANG DAN BIDANG KUASA

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah dikawal dan ditafsir dalam semua perkara berdasarkan kepada Undang-Undang Malaysia dan pihak-pihak adalah tertakluk kepada bidangkuasa Mahkamah Malaysia di dalam semua hal berkaitan dengan atau yang muncul dengan Jaminan dan Tanggung Rugi ini.

20. MENGIKAT PENGGANTI

Jaminan dan Tanggung Rugi ini hendaklah mengikat ke atas pewaris, wakil peribadi, penyerah hak yang diterima dan/atau pewaris-pewaris hakmilik Penjamin/Penjamin-Penjamin, dan pewaris-pewaris hakmilik masing-masing dan penyerah hak bagi Bank.

21. PERISYTIHARAN OLEH PENJAMIN

Penjamin mengisyiharkan bahawa mereka telah membaca dan memahami Jaminan dan Tanggung Rugi ini, dan menyedari sepenuhnya liabiliti mereka di bawah Jaminan dan Tanggung Rugi ini sebelum perlaksanaan yang sama.

(Bahagian lebihan muka surat ini sengaja dibiarkan kosong)

BERSAKSIKAN INI YANG MANA pihak-pihak di sini telah menurunkan tandatangan masing-masing pada hari dan tahun seperti yang tertera di atas.

Ditandatangani oleh)
.....)
(No.K/P)
di hadapan:-)
)

Ditandatangani oleh)
.....)
(No.K/P:)
di hadapan)
)

Ditandatangani untuk dan bagi pihak)
CIMB ISLAMIC BANK BERHAD)
(No. Syarikat 671380-H))
oleh Wakil Kuasanya)
di hadapan:)

JADUAL

(adalah untuk diambil, dibaca dan ditafsirkan
sebagai bahagian penting Jaminan dan
Tanggung Rugi ini.)

Bahagian	Perkara	Butir-butir
1.	Tarikh dan tahun Jaminan dan Tanggung Rugi ini	
2.	Nama, butiran dan alamat Penjamin-Penjamin	
3.	Alamat cawangan	Alamat cawangan:
4.	Butiran bagi Kemudahan Pembiayaan dan amaun maksimum yang dibenarkan	
5.	Nama, butiran dan alamat Pelanggan	
6.	Tarikh dan tahun Perjanjian Pembiayaan atau Surat Tawaran	